



KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SEMAKAN SEMULA KEPERLUAN PEMAKAIAN PELITUP MUKA

Malaysia telah memasuki Fasa Peralihan ke Endemik sejak 1 April 2022 dan bagi memastikan penularan kes COVID-19 dikawal dengan selamat dan berkesan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan pelbagai aktiviti pencegahan dan kawalan kesihatan awam termasuk program vaksinasi COVID-19 serta pengurusan kes melalui pemberian paxlovid, ubat anti-viral bagi mengurangkan gejala COVID-19.

Aktiviti pencegahan dan kawalan kesihatan awam yang berterusan serta kesedaran orang ramai mengenai kepentingan mengamalkan langkah-langkah pencegahan telah membantu menyumbang kepada penurunan kes COVID-19 serta menstabilkan sistem perkhidmatan kesihatan dengan kadar kemasukan kes COVID-19 ke hospital dan wad rawatan rapi (ICU) yang rendah. Kapasiti penggunaan fasiliti COVID-19 KKM setakat 6 september 2022 adalah seperti berikut:

Fasiliti Hospital	Bilangan Katil	Bilangan Pesakit	Peratus Penggunaan
Katil Bukan Kritikal (COVID-19/ Suspected/ Probable)	6,037	1,264	21%
Katil ICU (COVID-19/ Suspected/ Probable)	371	69	19%

Katil Pusat Kuarantin & Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC)	530	19	4%
Alat Bantuan Pernafasan (Ventilator) COVID-19	371	40	11%

Sepanjang Fasa Peralihan ke Endemik ini, semua sektor ekonomi dan aktiviti sosial telah dibenarkan manakala pintu masuk sempadan juga telah dibuka. Walaupun banyak SOP telah dilonggarkan sepanjang tempoh ini, pemahaman orang ramai untuk sentiasa menitik beratkan penjagaan kesihatan sendiri membolehkan proses peralihan ini berjalan dengan lancar. Hasilnya, negara telah mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara pada suku kedua tahun ini menunjukkan pertumbuhan kukuh sebanyak 8.9%.

Mengambil kira situasi COVID-19 di Malaysia yang bertambah baik pada ketika ini, KKM telah meneliti dan menyemak beberapa prosedur pencegahan penularan jangkitan COVID-19 yang boleh dilonggarkan demi keselesaan rakyat, tetapi pada masa yang sama perlu memastikan kesihatan dan keselamatan orang ramai terus terjaga. Antara prosedur yang disemak adalah protokol pemakaian pelitup muka.

Sejak 1 Mei 2022, pemakaian pelitup muka hanya **diwajibkan** apabila berada di dalam bangunan (*indoor*) dan di dalam pengangkutan awam termasuk perkhidmatan e-Hailing. Berdasarkan penilaian situasi semasa COVID-19 serta mengambil kira keperluan semasa, KKM ingin mengumumkan bahawa pemakaian pelitup muka di dalam bangunan (*indoor*) kini adalah atas **pilihan (*optional*)**.

Walau bagaimanapun pemilik premis boleh menentukan sama ada pengunjung wajib memakai pelitup muka atau boleh memilih untuk memakai pelitup muka. Selain itu orang ramai **AMAT DIGALAKKAN** memakai pelitup muka kerana ia terbukti mampu mengurangkan penularan jangkitan.

Pemakaian pelitup muka masih **DIWAJIBKAN** bagi situasi berikut:

- i) Kes positif COVID-19 yang perlu ke CAC untuk jalani penilaian kesihatan;
- ii) Menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas, kereta api, teksi termasuk perkhidmatan *e-hailing*, kapal terbang serta bas, van pekerja dan van sekolah; dan
- iii) Semasa berada di fasiliti kesihatan seperti hospital, klinik, rumah penjagaan, pusat hemodialisis, dan yang setara dengannya.

KKM juga **AMAT MENGGALAKKAN** agar pemakaian pelitup muka terus diamalkan terutamanya apabila:

- i) Berada di kawasan ramai orang dan sesak seperti pasar malam, stadium, gedung membeli belah dan rumah-rumah ibadah;
- ii) Individu bergejala seperti demam, batuk dan selsema;
- iii) Individu berisiko tinggi seperti warga tua, orang dengan penyakit kronik, individu dengan imuniti rendah dan ibu mengandung; dan
- iv) Melakukan aktiviti bersama orang yang berisiko tinggi seperti warga emas dan kanak-kanak.

Keperluan pemakaian pelitup muka di **luar bangunan (*outdoor*)** dan kawasan terbuka adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini iaitu **tidak diwajibkan**. Walau bagaimanapun, KKM **menggalakkan** agar pemakaian pelitup muka di luar bangunan terus diamalkan sekiranya:

- i) Berada di kawasan ramai orang dan sesak;
- ii) Individu bergejala seperti demam, batuk dan selsema;

- iii) Individu berisiko tinggi; dan
- iv) Melakukan aktiviti bersama orang yang berisiko tinggi seperti warga emas dan kanak-kanak.

Protokol baharu ini akan **MULA BERKUAT KUASA SERTA MERTA PADA HARI INI, 7 SEPTEMBER 2022**. KKM akan terus memantau situasi COVID-19 di dalam dan luar negara selain memastikan kesiapsiagaan perkhidmatan kesihatan berada dalam keadaan yang optima bagi memastikan kesejahteraan rakyat dalam menghadapi COVID-19. Kelonggaran yang diberikan ini bukanlah bermakna orang ramai boleh memandang ringan risiko jangkitan COVID-19.

Dengan kelonggaran ini juga, orang ramai perlu memikul tanggungjawab individu yang lebih besar melindungi bukan sahaja diri sendiri, tetapi seluruh komuniti. Kementerian Kesihatan percaya orang ramai masih akan terus mengamalkan kawalan sendiri yang terbaik, termasuk memastikan kebersihan diri, bagi mengelakkan dari dijangkiti penyakit berjangkit termasuk COVID-19 seperti yang diamalkan pada masa ini.

SYOR TERKINI KUMPULAN KERJA TEKNIKAL KEMENTERIAN KESIHATAN

Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) KKM pada 3 Ogos telah membincangkan cadangan atau syor terkini berkaitan pemberian vaksin COVID-19 yang melibatkan pemberian dos primer, dos penggalak dan dos penggalak kedua. Berikut adalah keputusan atau syor terkini yang telah diputuskan oleh TWG 3 September 2022:

SYOR 1: PEMBERIAN DOS PENGGALAK KEDUA mRNA VAKSIN UNTUK WANITA YANG MENGANDUNG ATAU MENYUSU

Wanita yang mengandung dikategorikan sebagai golongan rentan kerana berisiko tinggi mendapat penyakit teruk akibat jangkitan COVID-19. Tambahan lagi, jangkitan COVID-19 juga boleh meningkatkan risiko untuk mendapat komplikasi yang seterusnya boleh menjejaskan kehamilan dan perkembangan bayi.

Data sedia ada menunjukkan bahawa vaksin mRNA berkesan mengurangkan risiko untuk mendapat jangkitan COVID-19 yang teruk semasa kehamilan. Antibodi yang dihasilkan setelah wanita mengandung tersebut mengambil vaksin turut dikesan pada bayi dan boleh membantu melindungi bayi tersebut daripada jangkitan COVID-19.

Data keselamatan vaksin sedia ada juga tidak menunjukkan sebarang peningkatan risiko keguguran, komplikasi kehamilan dan kecacatan kelahiran, mahupun sebarang kebimbangan ke atas aspek keselamatan bagi wanita mengandung yang menerima vaksin mRNA.

Berdasarkan data-data sedia ada, wanita mengandung dan menyusu anak boleh menerima vaksin dos primer atau dos penggalak COVID-19. Bagi wanita yang berisiko mendapat penyakit yang teruk akibat COVID-19, mereka juga boleh menerima dos penggalak kedua pada bila-bila masa sepanjang tempoh kehamilan. Saranan ini juga selari dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang turut mengesyorkan pemberian dos penggalak kedua untuk wanita yang hamil.

SYOR 2: PEMBERIAN DOS PENGGALAK PERTAMA UNTUK KANAK-KANAK BERUMUR 5 HINGGA BAWAH 12 TAHUN

Varian Omicron lebih mudah berjangkit dan merebak dengan lebih cepat selain berisiko menyebabkan lebih banyak kemasukan ke hospital dan kematian. Kekebalan sistem imun yang berkurangan dari semasa ke semasa, ditambah dengan pengelakan imun oleh varian Omicron, akan menyebabkan keberkesanan vaksin juga berkurang.

Kanak-kanak berumur 5 hingga bawah 12 tahun dengan komorbiditi atau imunokompromi (imun yang lemah) adalah kumpulan kanak-kanak yang berisiko mendapat jangkitan COVID-19 yang teruk. Pemberian dos penggalak pertama akan dapat meningkatkan keberkesanan vaksin terhadap penyakit teruk yang disebabkan oleh varian Omicron dan boleh diberikan dalam tempoh 6 hingga 9 bulan selepas penerimaan dos vaksin terakhir.

SYOR 3: VAKSINASI COVID-19 UNTUK KANAK-KANAK YANG BERUMUR 6 BULAN HINGGA 5 TAHUN

Vaksin COVID-19 boleh ditawarkan kepada kanak-kanak berumur 6 bulan hingga 5 tahun dengan komorbiditi atau imunokompromi (imun yang lemah) yang teruk. KKM telah memulakan proses perolehan vaksin COVID-19 dengan formulasi khusus untuk kumpulan kanak-kanak ini.

SYOR 4: VAKSINASI HETEROLOGOUS UNTUK DOS PENGGALAK KEDUA

Pada masa ini, hanya vaksin Pfizer yang diluluskan untuk pemberian dos penggalak kedua kepada kumpulan populasi berikut:

- Individu yang berumur 50 tahun dan ke atas
- Individu yang berumur 12 tahun dan ke atas dengan imun yang lemah (*immunocompromised*) sederhana dan teruk
- Individu yang berumur 18 tahun ke atas dengan komorbiditi dan berisiko mendapat penyakit yang teruk
- Wanita mengandung atau ibu menyusui anak
- Petugas kesihatan

Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) kini mengesyorkan vaksin heterologous dengan vaksin mRNA atau vaksin vektor virus untuk dos penggalak kedua boleh diberikan kepada individu yang berisiko tinggi mendapat penyakit teruk akibat COVID-19. Vaksinasi heterologous untuk dos penggalak kedua boleh diberikan seperti berikut atas nasihat petugas perubatan:

- Vaksin jenis ternyahaktif untuk dos permulaan boleh dipertimbangkan untuk menggunakan vaksin vektor atau mRNA untuk dos berikutnya;
- Vaksin jenis vektor untuk dos permulaan juga boleh dipertimbangkan dengan menggunakan vaksin mRNA untuk dos berikutnya;
- Vaksin mRNA untuk dos permulaan boleh dipertimbangkan untuk menggunakan vaksin vektor untuk dos berikutnya.

Sekian, terima kasih.

KHAIRY JAMALUDDIN

Menteri Kesihatan Malaysia

7 September 2022